

Mahathir sebagai fenomena

UM 30/10/2003 - 6 PRECISE

Oleh SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad telah diberi pelbagai nama jolokan dan gelaran, positif dan negatif, oleh pelbagai kelompok manusia, kawan dan lawan, di dalam dan luar Malaysia.

Kepada kawan di Malaysia beliau pernah dipanggil 'Bapak Perindustrian', 'Perwira Melayu', 'Bapak IT' dan puluhan lagi gelaran. Kepada kawan di luar Malaysia beliau pernah dikenali sebagai 'The Voice of the South', 'The Master Strategist', 'Hero of the Underdog' dan paling terakhir sebagai Ibnu Khaldun abad ke-21.

Kepada lawan di Malaysia beliau pernah dicemoi sebagai 'Penjahanam Bangsa', 'Penjual Harta Negara', 'Pembela Korporat Korap' dan pelbagai lagi gelaran yang tak enak bunyinya. Di luar Malaysia, media Barat pernah menggelarnya 'The Dictator', 'Anti-Semitic', 'Authoritarian and Corrupt' dan bermacam lagi nama yang keji bunyinya.

Yang menariknya, gelaran-gelaran ini amat terpolarisasi, sifatnya, sama ada terlalu memuji-memuja atau sangat negatif dan seolah-olah mengeji. Tidak ada gelaran yang 'jalan tengah' dalam mana ciri-ciri positif dan negatif tersimpul satu. Maka demikian keadaannya sungguh menarik kepada ramai pemerhati mengenai Dr. Mahathir.

Dapat disimpulkan bahawa Dr. Mahathir, biar apa pun gelaran yang diberi-

mentar terhadap Dr. Mahathir telah mengalami semua aspek kesan daripada kepimpinannya. Lain orang, lain pengalamannya dalam berinteraksi dengan Dr. Mahathir. Maka lainlah persepsi dan pandangan mengenai beliau.

Apabila kita gaur-campur kesemua pandangan ini, maka Dr. Mahathir bukan hanya seorang 'gajah', malah jauh lebih besar dari itu. Sebenarnya beliau adalah suatu fenomena. Biar sebanyak manapun pandangan yang telah diluahkan oleh pelbagai orang dan yang telah dirakamkan dalam bentuk tulisan, jauh lebih besar lagi bilangan manusia di seluruh dunia yang mempunyai pandangan masing-masing mengenai Dr. Mahathir tetapi tidak meluapkannya secara terbuka. Mungkin mereka tidak ada kesempatan berbuat demikian atau tidak punya saluran untuk menyuarakannya.

Yang menyokong atau membangkang mungkin mengatakan bahawa bangunan Petronas Twin Tower sebagai 'Twin Tower Mahathir', perlumbaan kereta Formula 1 di Sepang sebagai 'F1 Mahathir', jambatan Pulau Pinang sebagai 'Jambatan Mahathir', lapangan terbang antarabangsa Kuala Lumpur, atau KLIA, sebagai 'KLIA Mahathir', lebuh raya Utara-Selatan sebagai 'Lebuh Raya Mahathir', yang pastinya, dari sudut linguistik, perkataan atau nama Mahathir sudah menjadi suatu idiom yang telah diterima pakai dan digunakan dalam wacana rasmi dan perbualan seharian di Malaysia.

Apabila sesuatu hal atau seseorang

jawatan Perdana Menteri. Oleh kerana jawatan-jawatan kabinet yang telah beliau sandang itu, seperti Menteri Pelajaran dan Menteri Perdagangan dan Perusahaan Antarabangsa, adalah jawatan-jawatan yang sangat tinggi profilnya di pandangan masyarakat tempatan dan dunia, maka beliau senantiasa berada dalam pemerhatian umum, setidak-tidaknya dalam radar sosial setiap rakyat Malaysia.

Dalam bidang kajian demografi, tempoh 30 tahun itu dihitung sebagai satu generasi. Maka Dr. Mahathir telah memerintah selama satu generasi. Oleh yang demikian, segala dasar dan pelaksanaan dasar yang digubalnya mengesankan setidak-tidaknya tiga generasi, iaitu, generasi beliau (yang berumur 50-an semasa beliau mula-mula menjadi Menteri Kabinet), generasi yang lahir lepas kemerdekaan 1957, dan generasi yang lahir selepas beliau menjadi Menteri Kabinet.

Generasi

Ini bermakna kesan pelaksanaan semua dasar yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir telah mengesankan tiga generasi rakyat Malaysia. Tidak pernah seorang Perdana Menteri Malaysia sebelum beliau memerintah lebih dari satu generasi.

Faktor jangka waktu ini sangat signifikan dalam meletakkan beliau sebagai seorang pemimpin yang mencapai taraf fenomena. Kerana beliau punya waktu

an yang menggunakan teknologi rendah dan sederhana (seperti industri membuat pakaian, bahan elektronik dan lain-lain) tetapi juga yang menggunakan teknologi tinggi (seperti industri automobil, ICT dan aeroangkasa).

Limpahan ekonomi daripada anjakan paradigma ekonomi ini telah dirasakan oleh rakyat Malaysia dengan meningkat berlipat gandanya pendapatan per kapita daripada sekitar AS\$800 ke AS\$3,000 dalam tempoh dua dasawarsa. Loncatan pendapatan per kapita inilah yang dijadikan bahan bualan dan pujian, malah menimbulkan semacam rasa ajaib, di kalangan pimpinan negara-negara Dunia Ketiga, OIC, dan juga pimpinan negara maju G7 serta badan-badan dunia seperti Bank Dunia dan IMF.

Kejayaan ekonomi ini pastinya telah melibatkan pembentukan rangkaian hubungan bilateral dan multilateral dalam bidang ekonomi dengan pelbagai negara di dunia dan juga dengan gergasi-gergasi syarikat multinasional global. Berdasarkan hubungan ini dan juga kejayaan yang dicapai telah memungkinkan beliau menerobos ke arena politik antarabangsa.

Beliau telah memprofil Malaysia, di pentas politik global, sebagai sebuah *middle-range power*, justeru melipat gandakan kegiatan Malaysia dalam ASEAN, APEC, Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Mesyuarat ASEAN-Eropah (ASEM) dan akhir-akhir ini OIC. Melalui platform wacana Selatan-Selatan dan Dialog Antarabangsa Langkawi